



31 Januari 2013
31 January 2013
P.U. (A) 29

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL
DIPERCEPATKAN) (SYARIKAT BERSTATUS *TUN RAZAK
EXCHANGE MARQUEE*) 2013

*INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE)
(TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE STATUS COMPANY)
RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPATKAN) (SYARIKAT
BERSTATUS *TUN RAZAK EXCHANGE MARQUEE*) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah seperti berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Syarikat Berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2020.

Pemakaian

2. (1) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* di Malaysia berkenaan dengan kos pengubahsuaian yang dilakukan ke atas bangunan atau sebahagian bangunan yang terletak di dalam *Tun Razak Exchange* yang di gunakan bagi maksud perniagaan syarikat.

(2) Bagi maksud Kaedah ini, kos pengubahsuaian hendaklah dianggap dilakukan pada hari syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* mula menjalankan semua atau sebahagian daripada perniagaannya di *Tun Razak Exchange*.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“kos pengubahsuaian” ertinya kos pengubahsuaian yang ditetapkan dalam Jadual bagi Kaedah-Kaedah ini;

“syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee*” ertinya—

- (a) institusi berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 [Akta 372] yang menjalankan perniagaan bank atau perniagaan bank saudagar atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (b) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553] yang menjalankan perniagaan insurans atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (c) syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983 [Akta 276] yang menjalankan perniagaan perbankan Islam atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (d) syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [Akta 312] yang menjalankan perniagaan takaful atau syarikat berkaitan dalam kumpulan yang sama;
- (e) syarikat yang merupakan pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671];
- (f) seorang, selain daripada individu, yang merupakan orang berdaftar di bawah seksyen 76 atau 76A Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007; dan

diluluskan oleh Menteri.

Tun Razak Exchange

4. *Tun Razak Exchange* ertinya kawasan yang di rujuk dalam pelan pembangunan diluluskan bagi “*Tun Razak Exchange* atas sebahagian Lot 1164, Lot 1207, Lot 1209, Lot 1210, Lot 1217, PT 122 Seksyen 62, Lot 205 – lot 208, sebahagian Lot 209, Lot 733, Lot

956, Lot 1309 – Lot 1311, Lot 1313, Lot 1314, Lot 1393, Lot 1364, PT 86, PT 109 – PT 121, PT 123 Seksyen 67 di Jalan Tun Razak/Jalan Davis, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur” termasuk mana-mana pertukaran berikutnya sebagaimana diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Elaun permulaan

5. Syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* layak bagi elaun permulaan di bawah peruntukan perenggan 10 Jadual 3 Akta yang bersamaan satu perlima untuk kos pengubahsuaian yang dilakukan.

Elaun tahunan

6. Syarikat berstatus *Tun Razak Exchange Marquee* layak bagi elaun tahunan di bawah peruntukan perenggan 15 Jadual 3 Akta yang bersamaan dua perlima untuk kos pengubahsuaian yang dilakukan.